

Sepintas lalu

- Mengurangkan kesulitan kewangan
- Untuk kediaman sahaja
- Perlindungan banjir
- Perlindungan letupan (domestik)
- Perlindungan kecurian/pecah rumah
- Perlindungan kerusakan makanan dingin beku & mudah rosak
- Pembayaran balik perbelanjaan sewa
- Pembersihan serpihan
- Perlindungan kemalangan seluruh dunia



Ciri-ciri Utama Tokio Marine Home Partner

- Perlindungan untuk pelbagai jenis perl
- Perlindungan kemalangan diri percuma untuk anda dan ahli keluarga terdekat anda
- Perlindungan liabiliti diri untuk liabiliti perundungan terhadap pihak ketiga bagi kecederaan anggota badan dan kerusakan harta benda

Nota Penting

- Insurans ini hanya untuk kediaman persendirian yang dihuni sebagai kediaman sahaja
- Rumah kediaman persendirian mestilah berdindingkan bata/konkrit dan berbungkangkan bahan tidak mudah terbakar (Pembinaan Kelas 1A)
- Pintu pagar dan pagar dikecualikan daripada polisi ini

Apakah pelan ini?

Pelan pakej yang memberikan anda ketenangan fikiran dengan perlindungan untuk anda, keluarga anda, dan barang isi rumah anda.



Cop Ejen

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Barangan isi rumah



Liabiliti diri



Kemalangan diri

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad

198601000381 (149520-U)

Level 20, Menara Hap Seng 3, Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.
T: (03) 2027 8200 / 2789 8800 **F:** (03) 2022 2295
Customer Service Hotline: 1800 88 0812

tokiomarine.com
HP-BM032024

Tokio Marine
Insurans (Malaysia) Berhad
198601000381 (149520-U)

tokiomarine.com
Life & Health | Property & Casualty



Seksyen I - Barangani Isi Rumah

Seksyen ini melindungi kerugian atau kerosakan pada barangani isi rumah dan barangani peribadi dengan syarat tiada satu barang pun (kecuali perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, set televisyen, perakam video, peralatan HiFi dan seumpamanya) lebih tinggi daripada 5% daripada Keseluruhan Jumlah Diinsuranskan melainkan diisyitharkan secara khusus, kepunyaaan Orang yang Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarganya yang tinggal bersama-sama semasa disimpan di dalam rumah kediaman persendirian. Had yang berikut diambilkira untuk:

- Barang kemas, jam, bulu binatang, platinum, barangani perak dan pewter
- 30% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan
- Barangani antik dan lukisan berharga - 30% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan



Peril Diinsuranskan:

- Kebakaran & kilat
- Banjir, ribut angin, taufan, gempa bumi, letusan gunung berapi
- Kerosakan hentaman oleh kenderaan atau haiwan, tidak termasuk kenderaan atau haiwan kepunyaaan atau di bawah kawalan anda atau mana-mana ahli keluarga anda
- Letupan (domestik)
- Rusuhan, mokog dan kerosakan dengan niat jahat
- Pesawat udara dan peranti udara lain dan/atau benda yang terjatuh darinya
- Kecurian/pecah masuk yang disertai dengan kemasukan secara kekerasan dan kekerasan sebenar
- Rompakan dan rompakan bersenjata
- Kerosakan air akibat tangki atau paip air pecah atau melimpah

Pengecualian:

- Seksyen ini tidak melindungi kerugian atau kerosakan pada:**
- Mana-mana bahagian struktur atau siling, kertas dinding atau seumpamanya
 - Surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, setem, sebarang jenis dokumen, manuskrip, pingat, kenderaan bermotor dan aksesori atau ternakan
 - Kecurian oleh pembantu rumah Orang Yang Diinsuranskan atau mana-mana ahli keluarga atau isi rumah Orang Yang Diinsuranskan

Perlindungan Tambahan kepada Seksyen I

Atas permintaan anda, pihak Syarikat boleh mempertimbangkan untuk memperluaskan perlindungan kepada peril yang berikut dengan membayar premium tambahan. Sila rujuk kepada pihak Syarikat untuk mendapatkan kelulusan.

- Penenggelaman dan gelinciran tanah
- Kerosakan disebabkan pokok tumbang
- Kecurian penuh
- Kebakaran belukar

Perlindungan Anda Diperluaskan

Basikal dan basikal gunung, harta persendirian yang disimpan di luar kediaman tetapi di dalam kawasan yang berpagar

Harta benda pembantu rumah	RM 1,000
Wang tunai/koleksi wang syiling, wang kertas dan nota bank	RM 1,500
Kehilangan atau kerosakan pada cermin selain daripada cermin tangan	RM 500
Kerosakan pada makanan dingin beku dan mudah rosak akibat peril yang diinsuranskan	RM 500
Penggantian kunci dan anak kunci luar	RM 500
Pembayaran balik perbelanjaan sewa: • RM200 sehari	Maksimum 10% daripada jumlah yang diinsuranskan, mana-mana yang lebih rendah
Pembersihan serpihan	RM 2,000
Caj jabatan bomba dan kos untuk menggantikan alat pemadam kebakaran	RM 5,000
Kehilangan atau kerosakan pada harta yang dipindahkan sementara dari kediaman persendirian	Sehingga 15% daripada keseluruhan jumlah diinsuranskan

Seksyen II - Insurans Kemalangan Diri

Seksyen ini melindungi kemalangan diri 24 jam di seluruh dunia yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya kekal seperti yang ditunjukkan dalam Jadual Manfaat, untuk anda dan sehingga empat (4) orang ahli keluarga terdekat anda yang menetap di rumah kediaman persendirian yang diinsuranskan di bawah Seksyen I. Jumlah Diinsuranskan bagi setiap orang ialah RM10,000. Gabungan liabiliti maksimum Syarikat bagi tempoh tersebut tidak melebihi RM50,000

Jadual Manfaat

	Jumlah Diinsuranskan Setiap Orang
Kematian/hilang upaya kekal (terlantar sakit di katil)	RM 10,000
Hilang kedua-dua belah tangan dan/atau kedua-dua belah kaki	RM 10,000
Hilang penglihatan kedua-dua belah mata dan/atau pendengaran kedua-dua belah telinga	RM 10,000
Hilang penglihatan sebelah mata dan hilang sebelah tangan/ sebelah kaki	RM 10,000
Hilang penglihatan sebelah mata/pendengaran sebelah telinga	RM 5,000
Hilang sebelah tangan/sebelah kaki	RM 5,000

Pengecualian Utama

- Hilang akal, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang cubaan
- Sebarang jenis penyakit, jangkitan atau parasit, AIDS
- Kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa sahaja komplikasinya melainkan disebabkan oleh kemalangan secara langsung atau tidak langsung
- Semasa melakukan atau cuba melakukan sebarang perbuatan jenayah
- Kecacatan atau keuzuran fizikal atau mental yang sedia ada

Definisi keluarga terdekat

Pasangan sah Orang Yang Diinsuranskan, anak kandung dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang.

Had umur

- a) Orang dewasa yang berumur tidak melebihi enam puluh lima (65) tahun dan pembaharuan sehingga tujuh puluh (70) tahun
- b) Kanak-kanak yang berumur tiga (3) bulan ke atas

Risalah ini memberikan penerangan ringkas mengenai produk dan adalah tidak lengkap. Untuk maklumat lengkap mengenai pengecualian, terma dan syarat, sila rujuk kepada dokumen polisi yang sebenar. Sekiranya terdapat perbezaan di antara versi terjemahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.



Seksyen III - Liabiliti Diri

Had Liabiliti:

RM250,000 mana-mana satu kemalangan/tempoh insurans

Seksyen ini membayar ganti rugi kepada Orang Yang Diinsuranskan bagi semua jumlah yang Orang Yang Diinsuranskan bertanggungjawab di sisi undang-undang untuk membayarnya yang berkaitan dengan:

- a) Kecederaan anggota badan pihak ketiga akibat kemalangan dan/atau
- b) Kehilangan atau kerosakan harta pihak ketiga akibat kemalangan

yang berlaku di premis Orang Yang Diinsuranskan atau di Malaysia dalam tempoh insurans, tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian polisi.

Pengecualian Utama

- Liabiliti yang ditanggung di bawah kontrak dan/atau perjanjian
- Tuntutan yang dibuat oleh kakitangan anda bagi kemalangan yang berlaku semasa bekerja
- Tuntutan terhadap anda oleh ahli keluarga anda
- Liabiliti yang timbul daripada pemunyan, pemilikan atau penggunaan mana-mana haiwan (melainkan anjing atau kucing peliharaan), kenderaan yang digerakkan secara mekanikal, kapal atau pesawat udara, tanah atau bangunan dan senjata api
- Liabiliti yang timbul daripada pekerjaan, perdagangan, profesion atau perniagaan anda
- Pencemaran atau kontaminasi serapan
- Denda, penalti, punitif atau apa juia ganti rugi teladan

Jumlah Minima Diinsuranskan : RM10,000

Premium : RM70.00

* Bagi setiap pertambahan RM1,000 dalam jumlah diinsuranskan, premium tambahan sebanyak RM 5.00 akan dikenakan.
(Premium tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan 8% dan Duti Setem RM10)

Pengecualian Am Untuk Semua Seksyen

Polisi ini tidak melindungi:

1. Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada perpeperangan diisyitharkan ataupun tidak), perang saudara
2. Dahagi, rusuhan atau kebangkitan ketenteraan atau kebangkitan awam, kebangkitan semula, pemberontakan, revolusi, kuasa ketenteraan atau rampasan kuasa, pemerintahan tentera atau keadaan terkepung atau sebarang peristiwa atau sebab yang menentukan perisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan terkepung
3. Risiko Radioaktif & Tenaga Nuklear
4. Apa juia jenis kerugian turutan atau kerosakan lanjutan
5. Pemberhentian kerja atau disebabkan oleh perampasan, penyitaan, pengambilalihan atau kemasuhan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana perbandaran awam atau piak berkusa tempatan negara atau Kawasan di mana harta itu terletak, atau disebabkan harta itu mengalami penapaiannya sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau kerana ia menjalani sebarang proses pemanasan atau pengeringan
6. Sebarang tindakan keganasan